



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang

Telefon : 04-261 5613

Faxs : 04-261 8618

Laman Web : www.penang.gov.my

Ruj. Kami : PSUKPP/05/0755/
2 Klt.2 (17)

Tarikh : 04 Ramadan 1430H
25 Ogos 2009

Ketua-Ketua Jabatan Negeri
Ketua-Ketua Badan Berkanun Negeri
Ketua-Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING PENTADBIRAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BIL. 6 TAHUN 2009

GALAKKAN PEMAKAIAN TOPENG MUKA BAGI MENCEGAH PENULARAN WABAK INFLUENZA A (H1N1)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan bagi memaklumkan kepada semua Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Ketua-Ketua Pihak Berkuasa Tempatan berhubung galakkan pemakaian topeng muka (*facial mask*) oleh Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang sebagai langkah pencegahan penularan wabak Influenza A (H1N1).

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan negeri memandang serius penularan wabak Influenza A (H1N1) khususnya melibatkan anggota yang memberi perkhidmatan kepada orang awam. Sehubungan itu sebagai langkah pencegahan, Anggota Perkhidmatan Awam Negeri adalah digalakkan agar memakai topeng muka semasa bertugas dan melaksanakan tugas-tugas rasmi khususnya kepada mereka yang terlibat secara langsung memberi perkhidmatan kepada orang awam.

....2/-

PELAKSANAAN

3. Semua Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Ketua-Ketua Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memaklumkan kepada anggota-anggota di bawahnya berhubung galakkan ini serta mengambil inisiatif yang perlu bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pencegahan pandemik ini. Antara inisiatif atau langkah-langkah yang boleh diambil bagi menggalakkan pemakaian topeng muka adalah dengan membekalkan topeng muka (*facial mask*) kepada anggota-anggota terutamanya petugas-petugas kaunter serta yang terlibat dan berurusan secara langsung dengan orang ramai (*front liners*). Pemantauan tahap kesihatan anggota juga harus ditingkatkan sebagai langkah pencegahan penularan di peringkat seterusnya.

TARIKH KUATKUASA

4. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan. Sehubungan itu, adalah diharapkan semua pihak mengambil serius perkara ini dalam usaha untuk mengekang penularan wabak Influenza A (H1N1) dari terus merebak.

Sekian, terima kasih.

' CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS '
' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menurut perintah,


[DATO' ZAINAL RAHIM BIN SEMAN]

s.k.

Y.A.B. Ketua Menteri
Pulau Pinang.